



INGATAN ... D.Kamarudin menyampaikan cendera kenangan kepada Sa'udah.



KERJASAMA...D.Kamarudin (tengah), No'Man (dua dari kiri), Sa'udah (dua dari kanan), Norzirin (kanan sekali) dan Moro (kiri sekali) pada majlis menandatangani kerjasama sebagai rakan strategik UMS.

# Terap budaya kreativiti, inovatif tingkat kualiti perkhidmatan

NST 8.10.2016 12  
OLEH MARRYAN RAZAN

**KOTA KINABALU:** Budaya kreativiti dan inovatif perlu diterap dan diamalkan oleh semua warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata amalan dan pembudayaan inovasi dan kreativiti itu sejajar dengan matlamat program transformasi negara dalam melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

"Selain itu program ini juga wajar dilaksanakan bagi menerapkan konsep pengetahuan dan kreativiti bagi membolehkan kita mampu menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan berkualiti."

"Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai serta etika kerja yang positif," katanya dalam teks ucapan sempena pelancaran

Sambutan Bulan Kreatif dan Inovatif (KreaNova) 2016, di Galeri Majlis Bangunan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. D.Kamarudin D. Mudin.

Mohd Harun berkata, program bulan KreaNova adalah antara usaha berterusan university untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

"Program seumpama ini merupakan satu platform untuk memberi ruang dan peluang kepada kakitangan membantu organisasi memilih, mengenal pasti dan menganalisis masalah berkaitan dengan kerja, melalui kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan."

"Di samping itu program ini juga mampu memupuk budaya penambahbaikan berterusan seperti yang diamalkan masyarakat Jepun iaitu 'Kaizen,'" katanya.

Sehubungan itu katanya dengan menggalakkan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Pengurusan Lean atau Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA) para kakitangan boleh menyampaikan cadangan penyelesaian sesuatu masalah kepada pengurusan UMS, di samping dapat melaksanakan good governance bagi memastikan prestasi kecemerlangan universiti sentiasa di tahap terbaik.

"Sebagai contoh, Kumpulan Team Excellence daripada Jabatan Pendaftar berjaya mewakili UMS dalam Konvensyen KIK peringkat universiti awam serta konvensyen Team Excellence peringkat Sarawak dan Sabah dan seterusnya mewakili UMS ke Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan pada 25 hingga 27 Oktober tahun depan di Putrajaya.

"Selain itu UMS juga telah dinobatkan johan dengan penarapan 5 bintang untuk Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Universiti Awam Malaysia, baru-baru ini, anjuran Arkib Negara Malaysia," katanya.

Sementara itu Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad



LANCARKAN ... D.Kamarudin (kanan) ketika melancarkan Bulan KreaNova UMS, turut kelihatan No'Man.

berkata sambutan KreaNova diadakan sepanjang bulan Oktober ini dengan pengisian pelbagai aktiviti.

"Pelaksanaan aktiviti tersebut adalah dengan kerjasama Rakan Strategik KreaNova UMS iaitu Lembaga Produktiviti Malaysia (MPC) Cawangan Sabah, MAMPU Cawangan Sabah dan Arkib Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Penasihat Program Sambutan Bulan KreaNova UMS berkata, projek KreaNova dalam Konvensyen KPI UMS tahun lepas memberi impak kepada tadbir urus universiti, di mana 26 Proses Kerja dapat dikurangkan bersamaan 30,304

minit dan penjimatan kos keseluruhan sebanyak RM1,306,621.

Pada majlis itu, UMS dan tiga rakan strategiknya telah memeterai 'surat persefahaman' bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian kepakaran dalam bidang masing-masing serta menggalakkan kerjasama jangka panjang antara pihak UMS dan rakan-rakan strategik.

Turut hadir Pengarah MPC Wilayah Sabah Norzirin Ariffin, Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah dan Labuan Sa'udah Abdul Manaf dan Penolong Pengarah Kanan MAMPU Cawangan Sabah Moro Jalani.